

PM: Malaysia  
sampai  
ke ambang  
era baru...

BH - 1 JAN 1982

**SAYA** bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana berpeluang menyampaikan sepatah-dua kata kepada rakyat Malaysia sempena ketibaan tahun baru 1982. Dengan menjelang 1 Januari, 1982 kita meninggalkan tahun 1981 sebagai sejarah. Kita meninggalkan peristiwa-persitiwa dan cabaran-cabaran yang telah kita hadapi. Semoga sejarah yang kita lalui akan menjadi pengajaran kepada kita sekalian dalam mengukuhkan lagi tekad dan azam kita dalam perjuangan dan dalam menuju ke arah kejayaan yang lebih besar di masa-masa hadapan.

Pada masa kita berjuang untuk mencapai kemerdekaan, cita-cita kita hanyalah semata-mata tertumpu kepada hasrat untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajahan. Sememangnya tidak siapa pun yang ingin hidup sebagai hamba kepada penjajah. Dan tidak ada siapa pun yang sanggup melihat kekayaan negaranya dibawa ke negara asing untuk kesenangan hidup orang lain. Tanpa kemerdekaan, selama itulah kita tidak mungkin menikmati kebebasan hidup sebagai satu bangsa dan negara yang berdaulat. Kemerdekaan

kita, Malaysia boleh menampung 50 hingga 70 juta orang penduduk, tetapi pada masa ini negara kita cuma mempunyai 14 juta orang penduduk. Oleh itu, kita masih boleh mengagihkan kekayaan yang sederhana dengan cara yang lebih saksama. Sebaliknya, beberapa negara di benua Asia begitu padat dengan penduduk sehingga tak mungkin diadakan peluang bekerja, bekalan makanan dan tempat tinggal yang sempurna. Sebahagian besar penduduk di negara-negara ini hidup merana.

Malaysia memiliki banyak sumber alam dan bahan mentah yang bernilai tinggi di pasaran dunia. Kita mempunyai bijih timah, minyak dan tembaga. Kita adalah pengeluar getah asli, lada, balak dan minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia. Negara bukan sahaja mendapat hasil yang lumayan daripada eksport bahan-bahan ini, tetapi juga daripada cukai pendapatan yang dikenakan ke atas pedagang-pedagang bahan-bahan ini, walaupun kita terdedah kepada turun-naiknya harga pasaran bahan-bahan ini.

### **Kesanggupan**

Berbanding dengan kebanyakan negara membangun yang lain, Malaysia adalah sebuah negara yang subur. Tetapi bukan itu sahaja, negara kita juga tidak terdedah kepada bencana alam seperti gempa

sepenuhnya kita perlu berusaha sendiri. Di sinilah letaknya kunci kebahagiaan.

Memang benar, dalam berbagai jenis usaha, kita tidak mempunyai kebolehan, atau pengetahuan atau kecakapan. Tetapi semua ini boleh diperolehi dari orang yang mempunyai. Demikianlah Tuhan menjadikan manusia, jika sesuatu dibuat berulang-ulang tak dapat tidak kecakapan akan diperolehi. Yang penting adalah kesanggupan bekerja dan berusaha tanpa mudah kecewa.

Malangnya ada orang yang menasihati kita supaya jangan bekerja kuat kerana kononnya ini akan menjadikan kita sebagai robot, sebagai hamba kepada majikan, sebagai orang yang tertaksub dengan kebenaran. Mereka menyuruh kita menentang masyarakat sebagai cara untuk mendapat upah yang lebih. Mereka dari negara yang maju, yang sebenarnya tahu bahawa kunci kejayaan ialah kerajinan bekerja, sudah mempengaruhi orang Malaysia dengan berbagai pendapat yang bertujuan supaya kita tidak bekerja dan oleh itu tidak dapat bertanding dengan mereka. Dan kita pun sudah terpengaruh dan seperti burung nuri yang pandai berkata-kata kita suarakan slogan-slogan mereka. Bilakah kita akan sedar bahawa kita telah dipermainkan oleh mereka, bahawa walaupun negara telah dibebaskan, fiki-

kerana tidak ada kestabilan politik maka ekonomi pula telah merosot dengan kesan yang buruk kepada tiap-tiap seorang daripada penduduknya.

Hidup mewah dan bahagia bermakna hidup

bebas dari penindasan dan berkemampuan untuk mengecap kemakmuran negara. Oleh sebab inginkan kebebasan, kita memilih sistem demokrasi. Demokrasi yang kita pilih adalah dengan tujuan supaya tidak ada seseorang, ataupun kumpulan, yang boleh menindas rakyat seluruh negara. Penggunaan kuasa di dalam demokrasi oleh sesiapa sahaja bukan sahaja perlu dibuat dengan berhati-hati tetapi mempunyai hadnya. Pemimpin tidak dapat membuat sesuka hati dan memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat dan negara. Cuma dengan cara ini sahaja keadaan dalam negara akan stabil dan maju.

Menjelang tahun baru ini marilah kita renungkan segala nikmat yang kita miliki dan bersyukur dengannya. Dengan kesyukuran ini marilah kita baharui azam kita untuk menjadikan negara kita Malaysia negara yang

aman, makmur dan bahagia. Untuk ini yang diperlukan ialah perubahan sikap, dan pengenehan sedikit soal upahan bagi diri sendiri. Kita harus baiki sikap terhadap bekerja iaitu

154  
mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala akan membuka hati kita semua supaya sedar terhadap nikmat dan kurniaNya dan dengan itu membuktikan kesyukuran melalui amalan nilai-nilai yang baik yang sudah tentu akan membawa kebahagiaan kepada rakyat dan negara.

dan kebebasan daripada belunggu penjajahan adalah merupakan keutamaan perjuangan kita pada ketika itu. Justeru itu, pada ketika itu, kita kurang memikirkan apakah bentuk dan rupa masa depan negara yang menjadi hasrat dan idaman kita.

Kemerdekaan membawa berbagai kemungkinan - iaitu kemungkinan untuk menguasai nasib kita sendiri, kemungkinan un-

tuk memiliki dan mengawal kekayaan kita sendiri, dan kemungkinan untuk mengatur serta menem- pa masa depan yang penuh bererti. Kemerdekaan dengan sendirinya tidak menen- tukan kejayaan dan ke- bahagianan. Sesung- guhnya banyak negara yang sesudah mencapai kemerdekaan telah men- jadi lebih terkongkong kerana tidak dapat menguasai urusan ru- mahtangga masing-mas- ing dengan berkesan. Cuma apabila kita dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain baharulah kemerdekaan mem- punyai makna.

Malaysia, pada umunya, amat bernasib baik. Bilangan penduduk kita adalah sederhana berbanding dengan keluasan wilayah

bumi, letupan gunung berapi, banjir yang besar-besar ataupun ri- but taufan. Ini semua adalah rahmat dan nik- mat yang dikurniakan Tuhan kepada kita, jika kita renungkan.

Dalam konteks per- sekitaran alam anta- rabangsa, kedudukan kita tidak terpencil sebagaimana setengah negara yang tidak bernasib baik yang berada di tengah-tengah lautan yang besar, atau di puncak gunung yang jauh dari lalu lintas la- utan. Kita berada di per- simpangan lalu-lintas laut dan udara yang memberi berbagai-bagai faedah kepada kita. Fak- tor ekonomi yang menja- dikan kawasan ini sebagai wilayah rebutan dan pertelingkahan kua- sa-kuasa penjajahan pada satu ketika dahulu adalah juga faktor yang memberi faedah kepada kita.

Sumber alam yang kaya dan lain-lain kur- niaan Tuhan kepada ne- gara kita tidak dengan sendirinya membawa ke- bahagianan hidup dan kemakmuran. Untuk ini, kita perlu berusaha - berusaha mengeluarkan sumber alam, melebur dan membentuk serta memasarkannya. Kita boleh bergantung kepada orang lain untuk mem- perdagangkan barang- barang ini tetapi ini bermakna orang lain yang dahulu dapat nik- mat yang lebih dan kita akan terutang kepada mereka. Untuk meng-gecap nikmat

ran kita masih dijajah. Bilakah kita akan sedar bahawa masa depan kita bergantung kepada kesanggupan kita beker- ja, dan bekerja dengan rajin, bukan sebagai hamba kepada upahan tetapi kerana tanggung- jawab dan kesayangan kepada kebebasan dan maruah kita.

## Stabil

Walaupun Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum dan mempunyai masalah- masalah perkauman, kita masih menikmati kestabilan politik. Tetapi, kita juga harus faham bahawa kestabilan poli- tik tidak wujud dengan sendirinya. Ia wujud ke- rana ada usaha yang bersungguh-sungguh ke- arahnya. Dalam hal ini, kita tidak boleh lalai walau sedikit pun, ke- rana kestabilan politik boleh lenyap dengan sekelip mata sahaja jika kita tidak mengawasinya. Dan sekali kestabilan politik hilang ia tidak mudah dipulihkan semula.

Kestabilan politik ada kaitan yang rapat dengan kestabilan ekonomi. Negara yang kaya-raya dengan hasil minyak yang besar sekalipun tidak dapat menggecap kekayaannya jika keadilan ekonomi tidak wujud. Jika kita li- hat pergolakan di beberapa negara kita akan faham bagaimana ketidakadilan ekonomi m e n g h a n c u r k a n kestabilan politik. Dan

bekerja dengan lebih ju- jur dan bertanggung- jawab. Apa juga kerja yang dibebankan kepada kita, jalankan dengan penuh minat dan dedi- kasi kerana berpegang kepada amanah. Ganja- ran yang kita perlu har- gai ialah hormat, hormat dari masyarakat dalam negeri dan hormat dari masyarakat anta- rabangsa. Maruah kita mestilah kita junjung tinggi.

## Taraf

Kita akan mulakan ta- hun 1982 setengah jam le- bih awal di Semenanjung Malaysia. Kita akan memulakannya bersa- ma - sama dengan saudara sebangsa kita di Sabah dan Sarawak. Per- mulaan ini adalah simbol perpaduan.

Pada tahun 1982 ini juga kita akan mula menggunakan sistem ukuran metrik di seluruh negara bagi mengganti berbagai jenis ukuran yang sudah ketinggalan zaman. Dengan ini sekali lagi persamaan dicapai di seluruh negara.

Dengan diperbaharui azam dan sikap serta penyamaan waktu dan sistem ukuran, Malaysia telah sampai ke ambang era yang baru, era yang boleh menentukan taraf pencapaian, dan kema- juan Malaysia yang lebih tinggi lagi. Sama ada Malaysia akan menca- painya atau tidak terpulanglah kepada rak- yat Malaysia sendiri.

Untuk menyambut ta- hun 1982 saya berdoa